

SENI KHAT UKIR MELAYU: SATU PENGENALAN

MAKMUR HAJI HARUN & MOHD FAUZI ARIFFIN

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENDAHULUAN

Seni khat ukir atau lebih sinonim dengan sebutan seni khat ukiran kayu merupakan salah satu warisan khazanah seni kraf Melayu yang masih dimiliki umat Islam. Perkembangan Islam yang tersebar ke seluruh pelosok dunia, menjadikan seni khat sebagai tulisan al-Qur'an dan al-Sunnah yang teradaptasi dengan bentuk-bentuk seni lainnya termasuk seni ukiran kayu yang berlaku tanpa menghilangkan ciri dan nilai kerohanian dalam Islam. Menurut Heba Barakat, penyebaran Islam ke seluruh pelosok dunia oleh pedagang Arab menyebabkan tulisan khat turut berkembang melalui dakwah, penaklukan mahupun perdagangan (*Tulisan Arab dan Kaligrafi Islam*, 2009:16). Penyatuan budaya Arab ini dengan budaya lainnya menjadikan tulisan khat ini mengalami corak perubahan dalam bentuk, warna mahupun tulisannya, akan tetapi bentuk asasnya masih berlandaskan kepada ayat-ayat al-Qur'an.

Selain itu, penyatuan seni khat ke dalam pelbagai seni dan budaya termasuk seni ukiran kayu menjadikan ia sebagai lambang kesenian unggul dalam budaya dan tamadun Islam yang dapat setanding dengan kesenian lainnya di dunia. Dalam hal yang sama, perkembangan ini dapat menjadikan seni khat menjadi simbol-simbol yang dapat dijadikan sebagai asas-asas penting untuk membentuk pelbagai corak dan bentuk seni khat ukir di alam Melayu.

Oleh itu, melalui tulisan ini semoga seni khat dapat dijadikan sebagai gambaran artistik seni yang dieksperikan melalui pelbagai bentuk, corak dan motifnya yang

berkembang di Nusantara sekali gus dapat dijadikan sebagai wasilah pemantapan keimanan, kepercayaan dengan menggabungkan kecekapan penulis dan kemahiran pengukir dalam melahirkan identiti ukiran khat Melayu di Nusantara. Berikut paparannya secara terperinci.

PENGERTIAN SENI, KHAT DAN UKIRAN

Menurut pengertian seni dapat dilihat dalam dua pengertian iaitu makna daripada segi bahasa iaitu halus (kecil, elok), nipis dan halus. Dalam bentuk karya (sajak, lukisan, muzik) yang diciptakan melalui bakat kepandaian daripada sesuatu ciptaan. Orang yang memiliki kemahiran untuk mencipta sesuatu yang luar biasa. Dalam bahasa Inggerisnya ialah 'Art' bermakna halus, nipis dan damai. Kesenian merupakan aktiviti seni yang berkaitan dengan seni, keindahan dan kehalusan. Semua ini tidak ada lain melainkan membawa maksud nilai halus, indah, suci, berguna dan bermanfaat bagi manusia. (*Kamus Dewan*, 1989:318).

Sedangkan menurut pengertian istilah iaitu segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, adakah ia merupakan hasil ciptaan Allah SWT mahupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan sosok manusia. Secara umumnya kesenian ditafsirkan sebagai sesuatu hasil ciptaan manusia yang memiliki nilai estetika bagi penciptanya, penyataan dan hiasannya yang paling menonjol dan dominan dalam hal tertentu mengambil kira aspek penggunaannya. (*Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1988:379-380).

Pengertian seni kaligrafi Islam atau seni khat dapat dilihat juga dalam dua pengertian, iaitu pengertian secara etimologi dan terminologi (*Kamus Dewan*, 1989:319). Pengertian etimologi, kata kaligrafi merupakan penyederhanaan daripada kata *calligraphy*. Erti kaligrafi iaitu "...seni menulis dengan indah, tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan indah sebagai suatu seni; khat." Adapun seni khat adalah" ...seni (kemahiran) menulis tulisan Arab atau tulisan Jawi dengan gaya yang khas atau unik sehingga menghasilkan tulisan indah." (*Kamus Dewan*, 1997:1245) Pengertian lain seni kaligrafi iaitu "...seni menulis indah dengan pena." (*Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1988:380).

Seni khat ukir pula merupakan salah satu bidang seni Islam yang dikenal dengan ukiran kayu di mana ianya dapat menjadi simbol kerajinan tangan, kemahiran dan ketinggian ilmu yang diterjemahkan ke dalam pelbagai bentuk barang yang mempunyai unsur seni. Simbol dan identiti yang ditonjolkan pada ukiran kayu mencerminkan jati diri masyarakat Malaysia. Ekspresi yang dipaparkan melalui ukiran kayu mewakili watak dan budaya masyarakat Melayu... (Norhaiza Nordin, 2009:9).

Sementara pengertian terminologi seni khat banyak definisi yang diberikan untuk menerangkan pengertiannya. Antaranya ialah yang didefinisikan oleh Syekh Syamsuddin al-Akhfani menjelaskan bahawa "Seni kaligrafi atau seni khat adalah ilmu yang memperkenalkan bentuk-bentuk huruf tunggal, letaknya dan cara-cara merangkainya menjadi tulisan yang tersusun atau apa-apa yang ditulis garis-garis, bagaimana menulisnya dan menentukan mana yang tidak perlu ditulis, mengubah ejaan yang perlu dirubah dan menentukan cara bagaimana untuk mengubahnya." (Didin Sirojuddin AR, 1985:122).

Melalui gambaran ini dapat menunjukkan betapa keindahan seni khat tersebut dapat terserlah dalam pelbagai bidang. Seperti yang pernah diungkap Sayyed Hossein Nasr bahawa: "...keindahan tulisan merupakan kelembutan jari dan kehalusan fikiran (cita rasa) penulisnya." Dengan demikian peroses perkembangan seni ini sangat didukung oleh kemahiran, kemahiran, bakat, kelembutan dan kehalusan citarasa tulisannya sehingga dapat berpengaruh kepada *jasadiah* dan *ruhiah* bagi penggiatnya. (Sayyed Hossein Nasr, 1987: 27-28).

SOKONGAN ISLAM TERHADAP SENI, KHAT, DAN UKIRAN

Islam merupakan agama yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia termasuk bidang seni, maka tanggapan sesetengah pihak bahawa Islam hanya tertumpu kepada aspek ibadah belum tentu betul bahkan perlu diluruskan oleh semua penganutnya. Hal tersebut kerana jiwa manusia yang diciptakan oleh Allah SWT bukanlah hanya untuk beribadat semata-mata, bahkan sebaliknya cenderung juga kepada perkara-perkara lain supaya membolehkan mereka meringankan beban dan fikiran selain juga ingin meringankan tubuh badan bagi menjalankan aktiviti kehidupan sehari-hari di muka bumi ini.

Seperti seni dan seni khat ukir merupakan salah satu aspek kesenian yang dibolehkan dalam Islam selagi ianya tidak berlebih-lebihan atau melanggar batas-batas syariat Islam yang telah ditentukan dalam ajaran Islam dan sesuai dengan perintah Allah SWT dan mengikut Sunnah Rasulullah saw. Oleh kerana itu, Islam bukanlah agama yang mengharamkan kesenian tanpa sebab. Hal ini kerana kesenian adalah sebahagian daripada hiburan, manakala keperluan kepada hiburan pula adalah sebahagian daripada fitrah seorang manusia selama ia menjalani proses hidup dan kehidupan di muka bumi ini.

Apa yang perlu diberi perhatian ialah 'hasil seni' di mana ia mulai lahir ketika permulaan Allah SWT mengajarkan Nabi Adam as tentang nama-nama benda yang ada

di alam ini, selanjutnya kepada Nabi Daud as dengan dikurniai suara yang sangat merdu, kemudian berlanjut hingga zaman Nabi Muhammad saw ketika diturunkannya wahyu yang pertama dan diterima oleh Nabi saw. Susunan kata-kata indah berupa ayat-ayat suci al-Qur'an yang diwahyukan, melalui keindahan sasteranya tersebut dapat mempengaruhi kaedah bunyi tentang apa yang dikenali sebagai 'sajak', 'pantun' dan 'puisi'.

Demikian pula perkembangan, pengaruh al-Qur'an dan al-Sunnah kepada umat Islam melalui tulisannya yang khas dikenali dengan seni khat telah pun ditulis dan diukir oleh para penulis mahupun pengukirnya di atas pelbagai benda. Sehingga hal tersebut dapat mempengaruhi kesenian dan kebudayaan tempat di mana ia menyebar. Kebudayaan Islam terus meluas sehingga mempengaruhi perkembangan seni pertukangan dan kraftangan di alam Melayu, yang memasuki struktur sosial kehidupan masyarakat Islam di Nusantara.

Penerimaan seni khat dan ukiran kayu terus diterima secara merata dalam kalangan masyarakat umat Islam, dengan adanya pengaruh motivasi al-Qur'an untuk mempelajarinya. Kayu, cat, pena, tinta, kertas dan sebagainya adalah bahan-bahan alam semulajadi yang dapat menyokong untuk menyalurkan warisan seni tulisan khat tersebut. Di samping ayat-ayat al-Qur'an, sabda-sabda Nabi saw, kata-kata hikmah yang berulang-ulang disampaikan menjadikan posisi dan keutamaan seni khat dan ukiran ini menjadi istimewa terhadap penganutnya. Inilah barangkali yang menjadikan Islam sebagai penyokong kuat dalam pengembangan seni, khat dan ukiran dalam kehidupan umat manusia di atas muka bumi ini.

PANDANGAN TOKOH-TOKOH TERHADAP SENI, KHAT DAN UKIRAN

Sokongan para tokoh merupakan penyangga kuat berkembangnya kesenian dan kebudayaan dalam Islam. Oleh kerana itu, berkembangnya seni, khat, dan ukiran juga tidak lepas daripada adanya peranan para tokoh yang menyokong kuat penyebarannya sehingga ke alam Melayu. Berikut pandangan tokoh-tokoh tersebut mengenai seni, khat, mahupun ukiran kayu:

1. M. Quraish Shihab

"Seni adalah keindahan. Ia merupakan ekspresi roh dan budaya manusia yang mengandung dan mengungkapkan keindahan. Ia lahir daripada sisi terdalam manusia didorong oleh kecendrungan seniman kepada yang indah, apa pun jenis keindahan yang dianugerahkan Allah kepada hamba-hamba-Nya." (M. Quraish Shihab, 1996:385)

2. Ismail R. Faruqi

"Tidak seperti kebudayaan-kebudayaan lain yang mengaitkan keindahan sebagai kemewahan, nilai intrinsik yang difahami untuk kepentingan sendiri, kesenian Islam menghubungkan keindahan sebagai nilai yang tergantung keseluruhan kesahihan Islam itu sendiri." (Ismail R. Faruqi, 1986:24)

3. Sayyid Qutb

"Kegiatan kesenian seluruhnya adalah pengolahan secara insan mengenai konsep dan tindak balas manusia itu sendiri, dan mengenai konsep wujud dan hidup, yang menjelma di dalam jiwa manusia." (Sayyid Qutb)

4. Muhammad Afandi Yahya

"Kegemilangan kraftangan bermula semenjak golongan bangsawan atau raja mengangkat darjat tukang kraf sebagai seniman istana atau dengan kata lain mereka menjadi pelindung yang menghidupkan kesenian tersebut (seni ukiran kayu-pen)." (Muhammad Afandi Yahya, 1995:103)

5. Ismail Hamid

"Seni dalam Islam menanam rasa khusyu' kepada Allah di samping memberi ketenangan di jiwa manusia sebagai makhluk Allah yang diciptakan dengan fitrah yang gemar kepada kesenian. Oleh itu, seni dalam Islam tidak hanya berprinsip seni untuk seni, tetapi sebagai seni kerana Allah untuk manusia." (Ismail Hamid)

6. Didin Sirojuddin, AR

"Kata kaligrafi adalah kepandaian menulis elok, atau tulisan elok. Bahasa Arab sendiri menyebutnya khat yang bererti garis atau tulisan indah. Garis lintang, equator atau khatulistiwa terambil dari kata Arab, *khattu/istiwa* yang ertinya melintang elok membelah bumi jadi dua bahagian yang indah." (Didin Sirojuddin AR, 2000:3)

7. Herberd Read

"Nilai-nilai indah, tidak cantik (buruk) adalah bidang yang termasuk ke dalam seni. Nilai keindahan dalam kehidupan manusia kadang-kadang lebih berpengaruh daripada nilai-nilai logik. Umpamanya orang sering berkata: "Alangkah cantiknya! Daripada: Alangkah benarnyal! Seorang lelaki biasanya lebih tertarik kepada wanita yang cantik daripada

memerhatikan tingkah lakunya. Keindahan adalah suatu nilai yang berada di dalam diri seseorang yang menghukum sesuatu objek sama ada cantik atau tidak cantik." (*The Meaning of Art, Herberd Read, 1959:13*).

8. Abdul Halim Nasir

"Kegemilangan kraftangan ini terbukti apabila keseniannya diangkat sebagai simbol status sebuah pemerintahan. Contohnya dapat dilihat apabila seorang raja yang tidak mempunyai istana yang indah dengan penerapan seni ukirnya, maka ia dianggap sebagai raja yang belum sempurna dan kurang martabatnya. Statusnya juga dianggap lebih rendah dari raja yang mempunyai istana yang berukir." (Abdul Halim Nasir, 1987:36).

MAKNA DAN FALSAFAH SENI, KHAT, DAN UKIRAN

Seni khat adalah reka bentuk berupa geometrik. Ukuran-ukuran tertentu menurut kadar tegak, tebal, nipis, panjang, pendek, miring, bulat, lonjong serta bentuk-bentuk anatomi hurufnya yang seimbang, kesemua itu merupakan ciri dan sifat tersendiri yang dimiliki oleh seni khat di pelbagai tempat.

Menurut Ibnu Muqlah seperti huraian Didin Sirojuddin AR dalam bukunya *Seni Kaligrafi Islam* (Didin Sirojuddin AR, 1985:90), bahawa bentuk dan sifat tulisan khat bahanalah dianggap benar jika memiliki lima kriteria seperti berikut:

1. *Mutawfiyah* (tepat) iaitu setiap huruf harus mendapatkan usapan yang sesuai dengan bahagiannya, dari lengkungan, kekejuruan dan kebengkokan.
2. *Itmām* (tuntas) iaitu setiap huruf harus diberi ukuran yang penuh, daripada panjang, pendek, nipis dan tebal.
3. *Ikmāl* (sempurna) iaitu setiap usapan garis harus sesuai dengan kecantikan bentuk yang sesuai dalam gaya tegak, terlentang, memusing dan melengkung.
4. *Ishba'* (padat) iaitu setiap usapan garis harus mendapat sentuhan sesuai daripada mata pena sehingga terbentuk suatu keselarasan. Dengan demikian tidak akan terjadi ketimpangan iaitu satu bahagian nampak terlalu nipis atau terlalu tebal daripada bahagian lainnya, kecuali pada tempat-tempat tertentu yang dikecualikan.
5. *Irsāl* (lancar) iaitu menggoreskan kalam secara lancar tidak tersandung atau tersekat-sekat sehingga menyusahkan atau terhenti di tengah-tengah sehingga menimbulkan getaran tangan yang boleh merosakkan tulisan yang sedang ditulis.

Mengenai ‘tata letak’ yang baik (*husnu al-wad’i*), menurut Ibnu Muqlah seperti yang dipetik oleh Didin Sirojuddin AR, memerlukan perhatian empat perkara iaitu:

1. *Tarsif* (rapat teratur) iaitu tepatnya sambungan satu huruf dengan yang lainnya.
2. *Ta’rif* (tersusun) iaitu menghimpun setiap huruf terpisah (tunggal) dengan yang lainnya dalam bentuk indah dan sewajarnya.
3. *Tastir* (selaras) iaitu menghubungkan satu perkataan dengan lainnya sehingga membentuk garisan selari letaknya.
4. *Tansil* (bagaikan pedang atau lembing indahnya) iaitu meletakkan sapuan-sapuan garis memanjang indah pada huruf-huruf sambung.

Falsafah seni khat ini juga dapat dilihat dalam dua makna, iaitu falsafah seni secara umum dan falsafah seni secara Islami, untuk lebih jelasnya dapat dilihat sepertiuraian berikut:

1. Makna falsafah secara umum iaitu berasal daripada perkataan Yunani iaitu *Philos* “kecintaan terhadap sesuatu” sedangkan perkataan *Shopia* “kebijaksanaan” atau “pengetahuan”. Sementara makna philoshopia memberi erti “mencintai akan kebijaksanaan.”
2. Makna falsafah seni secara Islami dapat diterjemahkan dalam beberapa hal, di antaranya ialah:
 - a. Ekspresi akan kecintaan dan keindahan. Keindahan pula lahir daripada kejujuran seni, sedangkan sesuatu yang berseni itu hanya dapat dilahirkan melalui kesabaran dan ketekunan di samping ketelitian.
 - b. Mengagungkan pencipta. Seni yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan tidak memandang apakah seni tersebut yang berbentuk visual maupun audio.
 - c. Melahirkan hubungan baik di antara manusia dengan Allah SWT dan dapat menghubungkan keakraban di antara sesama manusia. Kebudayaan dalam Islam pula sangat menitikberatkan hubungan yang baik antara manusia dan pencipta-Nya selain menjaga hubungan antara sesama manusia dengan manusia dan alam sekitarnya.
 - d. Dapat mewujudkan jalinan akidah, ibadat dan akhlak. Maka cara ini adalah untuk menghidupkan budaya akidah ialah dengan menanamkan dalam hati sanubari tentang kepercayaan kepada Allah SWT dengan baik dan bijaksana dalam menjalankan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Manakala ibadat dalam Islam ialah tunduk dan ta'at serta patuh kepada perintah dan kasih sayang yang mesti dilaksanakan dengan penuh keikhlasan.

Sementara makna seni khat ukir menjadi hal yang sangat mendominasi dalam mengubah bentuk dan konsep kesenian dalam Islam termasuk seni ukiran kayu. Hasil karya dan kreativiti ukiran kayu ini selalu dikaitkan dengan ajaran dan kepercayaan agama Islam dan mendapat tempat yang sangat istimewa dalam penerapannya. Menurut Abdul Halim Nasir, menyatakan bahawa kesan daripada agama Islam ini juga telah mengubah bentuk dan konsep hasil kraftangan di Malaysia. Secara konseptual, nilai ke-Islaman diterapkan dalam hasil kraftangan. Motif fauna digantikan dengan motif tumbuh-tumbuhan atau stilisasi serta ukiran kaligrafi Islam. (Abdul Halim Nasir, 1987:34)

JENIS DAN MOTIF SENI KHAT UKIR

Proses perkembangan jenis-jenis seni khat dari masa ke semasa tidak dapat dinafikan adanya peranan penting yang telah disumbangkan oleh Ibnu Muqlah melalui kaedah-kaedah yang rumit, lalu diperindah oleh Ibnu al-Bawwab dan bukan menjadi idea pengembangan melalui tangan Yaqut al-Musta'shimi sehingga menjadikan bentuk tulisan khat tersebut mengagumkan. Perkembangan tulisan-tulisan khat utama dikenali dengan tulisan *Sittah* (enam) iaitu *Thuluth*, *Nasakh*, *Muhaqqaq*, *Rayhani*, *Riq'ah* dan *Tawqi'*. Bentuk seni khat ini lebih dikenal dengan nama *al-Aqlām al-Sittah* (enam tulisan yang asal). (Yasin Hamid Safadi, 1978:19)

Jenis-jenis khat inilah yang kemudian berasimilasi menjadi asas dan corak penting yang banyak digunakan oleh para pengukir khat dalam menghasilkan ukiran kayu. Proses mengukir dengan meluakkkan kayu terpilih menggunakan peralatan ukir ditambah lagi sokongan kemahiran khat para pengukirnya menjadikan bentuk dan motif ukiran khat kayu ini lebih menarik dan unik. Bentuk tersebut menambahkan kewibawaan ukiran kayu menjadi corak ukiran khat dua dimensi atau ukiran khat tiga dimensi.

Menurut Norhaiza Nordin dalam bukunya *Ukir Kayu Warisan Melayu* menyatakan bahawa "Ukir dua dimensi ialah ukiran yang dihasilkan dalam bentuk yang hanya dapat dihayati daripada satu sudut permukaannya sahaja. Ukiran dua dimensi biasanya ditemukan dalam bentuk hiasan dinding, daun pintu, kekisi, tebar layar dan sebagainya. Ukiran tiga dimensi adalah ukiran yang dibuat dalam bentuk yang dapat dihayati daripada pelbagai sudut. Ukiran tiga dimensi biasanya ditemui dalam bentuk arca, peralatan pertanian, peralatan rumah tangga, congkak, tiang larik dan sebagainya." (Norhaiza Nordin, 2009:33)

Norhaiza Nordin menambahkan lagi bahawa kemahiran membuat ‘silat’ dalam proses ukiran merupakan elemen asas untuk menjadikan sesuatu hasil ukiran lebih menarik. Silat merupakan ekspresi “liuk lentuk” motif ukiran yang dibuat. Biasanya jenis ukiran kayu di Malaysia ditentukan daripada teknik pembuatannya. Antara jenis ukiran kayu yang sering dibuat oleh pengukir-pengukir Melayu adalah ukiran timbul tanpa silat, ukiran timbul bersilat, ukiran tebuk tembus dan ukiran tebuk tembus bersilat. (Norhaiza Nordin, 2009:33)

Sementara hasil ukiran khat yang biasanya dihasilkan oleh pengukir khat tetap mengekalkan elemen asas ukiran dengan menambahkan jenis-jenis khat tertentu yang sengaja dipilih untuk mengindahkan ukiran kayu dihasilkan. Hal ini juga menunjukkan bahawa ukiran khat tetap berbentuk ukiran timbul bermotif khat, ukiran timbul berhias khat atau ukiran tebuk tembus atau ukir kerup dengan kerangka hiasan khatnya dipelbagaikan.

BENTUK DAN CORAK WARISAN SENI KHAT UKIR

Bentuk dan corak ukiran khat yang dihasilkan para pengukir khat atau para pengukir kraftangan kayu biasanya memiliki bentuk dan corak tersendiri walaupun ukiran yang dihasilkan tetap menjaga kewujudan motif ukiran timbul, tebuk, atau tebuk tembus dan sebagainya. Bentuk ukiran khat yang selalu terpilih untuk dijadikan hiasan ukiran kayu tersebut adalah seperti berikut:


1. Khat Kūfi

Khat kūfi merupakan jenis seni khat tertua dalam dunia Islam. Jenis ini selalu digunakan untuk hiasan seni arkitek, berbentuk kaku, ditambah dengan hiasan flora atau dedaunan (*foliated kūfic*), tulisan ini banyak memiliki sudut dan siku-siku serta bersegi, mengandungi garis-garis vertikal pendek dan garis horizontal yang memanjang. (Shaharuddin, 2001:29). Khat kūfi berkembang di Bandar Kūfa, dan skrip ini menjadi lebih halus berhias dan sangat berpengaruh dalam seni kaligrafi Islam atau seni khat di merata tempat di kemudian hari.

Khat kūfi juga disebut *khat muzawwā* iaitu salah satu jenis tulisan Arab berbentuk siku, tulisan ini berasal dari khat Hieri (*Hira*). Tulisan kūfi sering disebut Jazm. Ada dua jenis tulisan yang berkembang di Makkah dan Madinah pada masa perkembangan khat kūfi iaitu *khat mā'il* dan *khat mashāq*. Kedua-dua jenis tulisan ini memiliki persamaan bentuk dengan huruf-huruf kūfi yang akhirnya kedua tulisan tersebut melebur menjadi

bentuk tulisan jenis kūfi. Kūfi ini cirinya halus dan direka pada akhir abad ke-10. Ciri-ciri yang sangat ketara ialah coretan memanjang ke atas.

Jenis khat ini akan lebih menarik jika dipilih oleh pengukirnya untuk menjadi hiasan utama dalam menghasilkan karya ukiran kayu. Hal tersebut dapat digambarkan betapa khat kūfi dapat mengisi ruang-ruang kosong empat segi atau empat segi panjang dengan hiasan tulisan bersudut mahupun bersiku. Contoh ukiran khat kūfi tersebut adalah seperti berikut:



Gambar 1. Contoh ukiran tebuk tembus jenis khat kūfi. Karya hiasan dalam surau Bayt al-Qur'an TMII yang bertulis *Inna solāti wa nusuki wa māhyāya wa mamāti lillāhi rabbil 'ālamīn*. (TMII Jakarta, 23 Jun 2009).

2. Khat Nasakh

Tulisan jenis ini dikenali juga sebagai nasakh atau naskhi. Merupakan jenis tulisan tangan berbentuk *cursif*, iaitu tulisan bergerak berpusing (*rounded*) dan sifatnya mudah serta jelas untuk dibaca. (C.Israr, 1985:83). Menurut Didin Sirojuddin AR., "...kata *nasakh* diambil daripada akar kata *nuskah* atau *naskah*." (Didin Sirojuddin AR, 1985:103) Khat ini merupakan tulisan asas yang paling banyak digunakan oleh umat Islam kerana mudah untuk dibaca dan dipelajari. Pada umumnya tulisan *cursif* ini lebih berperanan sebagai tulisan mushaf al-Qur'an jika dibandingkan dengan jenis khat kūfi.

Tulisan nasakh pada awalnya kurang berperanan, tetapi semenjak al-Wazir Abū Ali al-Shadr Muhammad ibnu al-Hasan ibnu Muqlah atau lebih dikenali dengan nama Ibnu Muqlah, beliau telah menyempurnakannya dengan menyusun formula-formula penting dalam penulisan khat nasakh ini pada abad ke-10. (Yasin Hamid Safadi, 64). Tulisan ini diperindah oleh Ibnu al-Bawwāb sehingga menjadi tulisan al-Qur'an mushaf Uthmani. Sejak itulah al-Qur'an banyak ditulis dalam tulisan nasakh jika dibandingkan dengan tulisan khat lainnya. Tulisan ini menjadi popular dan banyak diminati para khattat lainnya sehingga menjadi salah satu jenis tulisan yang sangat ramai peminatnya.

Dengan semakin sempurnanya tulisan nasakh ini, telah membawa pengaruh positif terhadap penulisan mushaf al-Qur'an sehingga banyak digunakan dalam penulisan mushaf di pelbagai negara termasuk Malaysia dan Indonesia. Demikian juga penggunaannya terhadap ukiran kayu di mana jenis khat nasakh dijadikan sebagai hiasan penting ukiran kayu yang banyak mendominasi karya-karya pengukir di Nusantara, selain ia memiliki ciri-ciri mudah dibaca dan bahkan senang untuk diukir di atas pelbagai jenis kayu kerana tidak memiliki banyak hiasan atau harakat. Ukiran khat nasakh tersebut sangat mudah didapati dalam masyarakat Islam di Nusantara, seperti contoh berikut:



Gambar 2. Contoh ukiran timbul dengan menggunakan khat nasakh yang sedikit bercampur khat thuluth dengan tulisan berbunyi "*Lā ilāha illaAllah Muhammad RasululAllah*". Hiasan ini banyak dijumpai di dinding-dinding masjid atau rumah-rumah masyarakat Islam. (Diabadikan tarikh, 4 Jun 2010)

3. Khat Thuluth

Khat thuluth banyak digunakan untuk tujuan hiasan di pelbagai manuskrip, khususnya dalam pembuatan tajuk-tajuk buku atau sub-sub bab dan nama-nama kitab. Jenis ini juga digunakan sebagai tulisan hiasan pada dinding-dinding binaan dan hiasan dalaman. Jenis khat ini sesuai dengan karakter hurufnya yang *artistik* (menyangkut tentang seni dan kebudayaan). Thuluth lebih berwibawa apabila dilengkapi dengan *tashkīl* (harkat) dan *tazīn* (hiasan) sehingga tidak ada lagi cela-cela dan ruang kosong tidak terisi melainkan penuh dan padat dengan hiasan sebagai pelengkap seri dan keindahannya. Tulisan ini telah dikembangkan sepenuhnya menjelang abad ke-9, dan menjadi sangat popular penggunaannya sebagai hiasan dan tulisan di masjid-masjid pada abad ke-10 dan ke-11. (MKIM, 24 Julai 2004)

Penggunaan khat thuluth sebagai motif hiasan banyak dikembangkan oleh Ibnu al-Bawwāb dan Yaqut al-Musta'shimi. Kedua tokoh kaligrafi tersebut banyak berjasa dalam mengembangkan jenis tulisan cursif Arab ini. Penggunaan khat thuluth terbahagi kepada dua jenis iaitu *thuluth thāqīl* (bentuk thuluth yang tebal dan berat) dan *thuluth khāfīf* (bentuk thuluth yang nipis dan ringan). Teknik penulisan ini sama dengan khat

nasakh, tetapi perbezaannya terletak pada ukuran tebal dan nipis huruf-hurufnya yang ditulis berdasarkan pena (kalam) yang digunakan. Khat thuluth selalu ditulis dengan teratur, kemas, indah dan menarik. Thuluth dapat digabungkan dengan pelbagai bidang dan ruang guna menempatkan komposisi hiasan yang cantik dan indah.

Oleh sebab itu, keindahan khat thuluth akan semakin terserlah ketika menjadi hiasan utama atau hiasan tambahan dalam ukiran kayu. Jenis khat ini memiliki harkat dan baris yang penuh, hal tersebut dapat memenuhi ruang kayu yang diukir oleh pengukirnya. Sama ada tulisan tersebut diukir timbul, atau diukir tebuk mahupun diukir tebus. Ukiran jenis khat thuluth tersebut sangat padat dan menarik untuk dijadikan sebagai hiasan dalam ukiran, contohnya adalah seperti berikut:



Gambar 3. Contoh ukiran khat thuluth (bulat melingkar) diukir secara melingkar dengan mengandungi ayat-ayat al-Qur'an bermula daripada *Bismillāh al-rahmāni al-rahīmi* kemudian disambung dengan surah al-Baqarah ayat: 255 (ayat yang selalu disebut dengan ayat kursi). (Hiasan rumah Prof. Dr. Noriah Mohamad, 9 Mei 2010)

4. Khat Ta'liq atau Fārisi

Sesuai dengan namanya, jenis khat ta'liq atau fārisi banyak berkembang di Parsi (Iran), Pakistan, India dan Turki. Perkembangan khat ini bermula dari Parsi pada masa pemerintahan Dinasti Safavid (1500-1800 M). Pada masa pemerintahan Shah Ismail dan Shah Tahmas, perkembangan khat ta'liq sehingga mengalami kemajuan amat pesat kerana tulisan ini menjadi satu tulisan rasmi yang digunakan di seluruh wilayah Parsi ketika dahulu. Menurut sejarahnya, khat ta'liq berasal daripada tulisan jenis kūfi yang dibawa oleh penguasa-penguasa Arab di masa penaklukan Parsi.

Bentuk dan corak tulisan ini nampak seperti tergantung di awan, oleh itu maka disebut nas al-ta'liq. Perkembangannya mencapai puncak kejayaan pada awal abad ke-15.

Tokoh-tokoh penting pengembang tulisan ini adalah Abdul Havy, menurut sebahagian pendapat mengatakan bahawa Mir Ali Sultan al-Tabrizi adalah penemu pertama formula-formula tulisan nas al-ta`liq ini. Tokoh pengembang lain khat ini adalah Abdurrahman al-Khawārizmi, sebagai tokoh cemerlang di abad ke-15. Kemudian dilanjutkan oleh kedua puteranya Abdurrahim Anisi dan Abdul Karim Padshah. Kaligrafi-kaligrafi Parsi yang mempunyai nama harum dalam pengembangan khat ta`liq dan nas al-ta`liq ini adalah Qāsim Shadi, Shah Kabīr ibn Uways al-Ardabili, Kamaluddin Hirāti, Ghiyathuddin al-Asfahānī dan Imaduddin al-Husayni. (Ali Akbar, 1995:86).

Sementara pengembangan jenis tulisan ini terus merentasi bumi Parsi, Pakistan, India, China, kemudian berkembang ke dunia-dunia Islam lainnya termasuk ke Nusantara. Penggunaan jenis khat ini di Nusantara juga tidak ketinggalan digunakan oleh para pengukir dalam menambah keindahan khat ta`liq tersebut ketika menjadi hiasan ukiran kayu. Jenis khat ini tidak memiliki harkat dan baris seperti khat *nasakh* dan *thuluth* melainkan huruf-hurufnya boleh ditulis dan diukir panjang mahupun pendek, hal tersebut dapat menjadi hiasan ukiran kayu yang lebih istimewa. Ukiran jenis khat ta`liq juga sangat unik kerana huruf-huruf melengkungnya seperti *nun*, *sin* atau *lam* boleh diukir memanjang ke bawah. Contohnya adalah seperti berikut:



Gambar 4. Contoh ukiran khat ta`liq (farisi) diukir panjang-panjang secara miring dan sambung menyambung di antara satu huruf dengan lainnya, tulisan ini mengandungi ayat-ayat al-Qur'an daripada surah al-Baqarah ayat: 255 (ayat yang selalu disebut dengan ayat kursi). (Diabadikan, 3 Mei 2009)

5. Khat Riq`ah

Khat *riq`ah* disebut juga khat *riq`ie* atau *riqā`*, khat ini merupakan jenis tulisan cepat dan hampir sama dengan cara menulis stenografi. (Ilmu Trengkas, Kamus Dewan, 1989:1226). Corak ini banyak digunakan untuk tulisan tangan biasa yang bersifat ringkas dan cepat kerana tidak banyak memiliki lekukan. Dikatakan bahawa khat *riq`ah* berasal daripada tulisan *nasakh* dan *thuluth* yang dipadukan di antara keduanya, yang membezakan hanyalah cara penulisan khat *riq`ah* lebih cepat daripada keduanya, sebab ia tidak memerlukan banyak lekukan pada ujung-ujung setiap hurufnya.

Pada umumnya tulisan ini banyak berkembang di negara Turki Uthmani. Tulisan riq'ah mengalami kemajuan pesat sesudah mendapat penyempurnaan daripada seorang kaligrafi terkemuka Turki, iaitu Syeikh Hamdullah al-Amāsi (1520 H). Seterusnya tulisan ini semakin sempurna melalui para kaligrafi Arab lainnya sehingga tulisan ini terpakai luas di seluruh Semenanjung Arab.

Penggunaan jenis khat ini dalam ukiran kayu tidak terlalu lazim, kerana hiasannya dianggap tidak terlalu menarik dan tidak cukup lengkap ketika dijadikan ukiran di atas kayu. Akan tetapi ianya sering digunakan sebagai ayat-ayat panjang yang akan ditulis mahupun diukir sebagai melengkapkan jenis khat lainnya. Contohnya adalah seperti ukiran di atas mimbar berikut ini:



Gambar 5. Contoh ukiran khat jenis riq'ah yang menghiasi bahagian hadapan mimbar surau Kampung Kerling Hulu Selangor. Ukiran tersebut mengandungi peringatan larangan bercakap ketika khatib berkhutbah di atas mimbar. (Diabadikan, 12 Mac 2011).

6. Khat Dīwāni

Khat dīwāni sangat berbeza dengan khat nasakh dan thuluth. Khat dīwāni berbentuk melingkar-lingkar, condong bersusun-susun, hurufnya tumpang tindih, lentur dan bebas. Namun ukuran dan bentuk huruf-hurufnya dalam satu ayat tidak bermacam-macam dan penulisannya pun sangat tergantung kepada kemahiran, kecekapan, kreativiti atau minat daripada penulisnya. Khat dīwāni merupakan suatu corak tulisan Uthmani yang sejajar perkembangannya dengan tulisan syikasteh fārisī.

Tulisan ini berkembang pada penghujung abad ke-15 daripada hasil usaha gigih salah seorang kaligrafi Turki bernama Ibrahim Munif. Melalui kepakarannya menulis, jenis tulisan dīwāni ini banyak digunakan sebagai tulisan-tulisan rasmi di pejabat-pejabat kerajaan Uthmani. (Oloan Situmorang, 1986:93) Khat dīwāni seterusnya berkembang dan membentuk suatu corak yang unik berupa tulisan hias bernama dīwāni jali (khat humayuni atau khat muqaddas). Jenis ini banyak disempurnakan oleh Syeikh Hamdullah

al-Amāsi. Ciri-ciri dīwāni jali pula memiliki corak hiasan berlebihan sehingga hiasannya lebih tampak daripada tulisannya.

Adapun penggunaan jenis khat ini dalam ukiran kayu tidak terlalu banyak, kerana hiasannya dianggap terlalu sukar untuk dijadikan sebagai ukiran kayu. Apatah lagi huruf-hurufnya yang melingkar-lingkar dan bulat-bulat sangatlah menyukarkan para pengukir untuk mengukirnya. Akan tetapi ia juga masih didapati sebagai tulisan cantik di atas karya-karya ukiran kayu. Contohnya adalah seperti ukiran berikut:



Gambar 6. Contoh ukiran kerup khat dīwāni yang berciri melingkar-lingkar, halus dan lembut memiliki keseimbangan huruf kemudian diwarnakan dengan cat. Khat ini terkadang digunakan untuk penulisan hal-hal berharga atau untuk penulisan puisi atau ungkapan-ungkapan mahupun kata-kata hikmah yang panjang atau pendek. Tulisan ini berbunyi *Alā bi zikri Allāhi*. (Diabadikan, 23 Februari 2009)

Demikian beberapa contoh bentuk dan corak ukiran khat yang menjadi pencetus berkembangnya kesenian dan kebudayaan Islam di rantau ini, selain sebagai salah satu realisasi tamadun yang unggul di dalam lipatan sejarah peradaban di alam Melayu. Ini juga boleh dijadikan sebagai babak baharu dalam meniti kecemerlangan umat Islam dan sekali gus wacana yang senantiasa perlu mendapat perhatian dunia sehingga tidak boleh diketepikan kewujudannya dalam masyarakat Islam khususnya dan masyarakat dunia umumnya.

PELBAGAI TEKNIK MENGHASILKAN SENI KHAT UKIR

Ukir khat dihasilkan oleh para pengukirnya melalui beberapa teknik dan langkah yang digunakan. Menurut Norhaiza Nordin bahawa "Keindahan sesuatu ukiran bergantung kepada olahan, gaya, dan teknik mengukir sesebuah karya itu. Teknik ukiran memerlukan ketajaman minda untuk mengolah dan membuat susunan motif di samping kemahiran

dan kebolehan tangan untuk memahat dan menyobek kayu menjadi ukiran." (Norhaiza Nordin, 2009:56). Demikian pula dengan ukiran khat di mana seorang pengukir juga dituntut agar mampu untuk menghasilkan karya ukiran dengan seni khatnya sekali bersamaan dengan tetap menjaga kaedahnya ketika dilakar dan diukir di atas kayu ukirannya. Ada beberapa teknik dan langkah yang biasanya digunakan untuk menghasilkan seni khat ukir kayu seperti berikut:

1. Memilih Jenis Tulisan Khat

Memilih jenis tulisan untuk dihasilkan dalam ukiran adalah langkah penting bagi seorang pengukir, sebab kesalahan dalam memilih jenis huruf atau jenis khat mahupun ayat-ayatnya yang akan diukir maka ia akan mengakibatkan kesukaran ketika proses pengukiran berlaku. Oleh kerana itu, disarankan kepada pengukir untuk bijak dalam memilih jenis tulisan tersebut sebelum apa-apa proses pengukiran dijalankan.

2. Membuat Lakaran Khat dan Motif

Membuat lakaran ukiran khat adalah langkah berikut yang perlu diambil oleh pengukir, kerana dengan lakaran inilah tulisan akan terlihat jelas dan sekali gus menghindari dari kesalahan ketika mengukir. Lakaran ini sebaiknya dibuat di atas kertas yang meliputi hiasan seni khat yang sudah dipilih. Lakaran khat ini kemudian akan dipindahkan ke atas permukaan kayu ukiran yang sudah disediakan.

3. Memilih Kayu Ukiran

Selain mempersiapkan lakaran, pengukir khat juga perlu memilih kayu ukiran yang akan diukir nantinya. Kayu ukiran akan bergantung keinginan pelanggan atau keinginan pengukir. Biasanya kayu jati selalu menjadi pilihan jika dibandingkan dengan jenis-jenis kayu lainnya kerana ianya boleh bertahan lama dan sangat mudah untuk diukir.

4. Menyiapkan Asas Ukiran Khat

Setelah kayu ukiran dipilih, sebaiknya asas kayu tersebut perlu diperhalusi permukaan yang akan diukir dengan sebaik-baiknya, selain ianya akan menjadi dasar utama tulisan khat sebelum dipahat.

5. Menebuk Huruf Ukiran Khat

Proses menebuk huruf adalah proses membuang bahagian dasar ukiran yang tidak diperlukan, dan tetap mengekalkan bahagian tulisan khat dan hiasannya yang

dikehendaki. Proses ini boleh menggunakan peralatan ukir yang semestinya seperti gergaji, pahat, pelubang kayu, tukul kayu dan sebagainya.

6. Memahat Dasar Ukiran

Setelah huruf-huruf ditebuk, langkah seterusnya adalah memahat huruf-huruf khat yang akan dijadikan sebagai ukiran, ditebuk sesuai dengan jenis khat yang dipilih, membentuk bunga di sekelilingnya sebagai hiasan dan membuang dasar di sekelilingnya yang bukan menjadi bahagian hurufnya. Proses pemahatan ini adalah proses yang agak rumit, oleh itu diperlukan kesabaran dan ketelitian pengukirnya untuk mendapatkan hasil permukaan ukiran khat yang cantik dan tetap menjaga kaedah khat yang diinginkan. Setelah hasil ukiran khatnya dianggap meyakinkan, maka perlu hiasan di samping reka bentuk bunga ukir yang dijadikan sebagai frame ukiran khat.

7. Mengukir Dasar dan Tulisan

Proses pengukiran ada beberapa bentuk yang akan dihasilkan tergantung bentuk alat pahat dan pisau yang digunakan ketika mengukir. Pengukir perlu memastikan setiap huruf khat yang diukir memerlukan ketelitian satu persatu agar tidak tertinggal satu huruf pun ketika mengukir, sama ada huruf *alif* atau *ba* misalnya, perlu baris atau tidak, perlu bunga atau tidak semuanya perlu ketelitian. Selain itu, pengukir juga perlu kemahiran tersendiri ketika menghasilkan karya ukiran khat ini kerana ia menjadi titik tolak untuk menghasilkan karya ukiran seterusnya.

8. Menghaluskan Ukiran Khat

Setelah proses ukiran khat dihasilkan, akan tetapi masih dalam keadaan kasar, maka langkah seterusnya adalah penghalusan dengan melihat sambungan huruf, titik, harakat, bunga mahupun daun yang dijadikan sebagai hiasan. Proses ini juga diikuti dengan menggunakan kertas pasir dan boleh menggunakan kikir sekiranya diperlukan untuk menghaluskan hasil karya tersebut.

9. Membersihkan Ukiran Khat

Setelah proses penghalusan dibuat, seterusnya adalah proses pembersihan lubang-lubang huruf atau bunga ukiran yang telah dipahatkan. Hal ini boleh menggunakan kikir atau berus untuk menyapu bersih kotoran atau habuk yang masih tertinggal dalam sela-sela huruf dan bunga yang telah dihasilkan.

10. Menggilap Ukiran Khat

Proses selanjutnya adalah pemeriksaan terakhir sebelum pengemasan. Langkah ini bertujuan untuk pemeriksaan terakhir pada bahagian-bahagian ukiran atau bahagian-bahagian huruf atau mana-mana bahagian ukiran yang dianggap perlu yang belum lagi sempurna seperti baris atau titik huruf khat. Atau mana-mana bahagian sekiranya perlu diteliti sebelum semua bahagian ukiran khat tersebut disapu dengan varnis atau pengilap untuk mencantikkan lagi hasil ukiran tersebut.

11. Mengemasukan Ukiran

Proses terakhir adalah pengemasan, langkah ini merupakan langkah paling terakhir di mana hasil karya akan dibungkus, dibalut atau dimasukkan dalam kotak yang sudah disediakan sebagai langkah akhir sebelum penjualan atau penghantaran kepada pelanggan. Biasanya proses ini memerlukan kepakaran khusus untuk menjamin kualiti karya yang telah dihasilkan tetap terjaga sekaligus untuk menjaga kepuasan pelanggan.

PELBAGAI PERALATAN SENI KHAT UKIR

Ada beberapa peralatan yang diperlukan untuk menghasilkan ukiran khat. Peralatan tersebut berguna untuk memudahkan kerja-kerja ketika mengukir. Peralatan ini merupakan peralatan asas yang mesti ada untuk menghasilkan karya seni khat ukir kayu lebih berkualiti, seperti berikut:

1. Kayu Ukiran

Kayu ukir merupakan bahan asas yang mesti ada sebelum memulakan kerja-kerja pengukiran. Biasanya kayu yang menjadi pilihan ialah kayu jati, cengal, meranti dan sebagainya.

2. Pahat

Pahat merupakan peralatan untuk mengukir. Alat ini terbuat daripada besi yang sebelah hujungnya tajam digunakan sebagai alat untuk menebuk atau mengukir kayu. Pahat ini terdapat berbagai-bagai bentuk yang digunakan sesuai dengan bentuk ukiran yang dikehendaki.

3. Pisau Bakawali

Peralatan berikutnya ialah pisau yang bermata tajam, pisau ini digunakan untuk mengukir pada ukiran yang tidak boleh dipahat. Pisau ini justeru banyak digunakan dalam menyilat,

membuat bentuk-bentuk rumit seperti abjad, bunga, daun, tangkai mahupun huruf-huruf khat, dan ia juga digunakan untuk pengemasan terakhir termasuk hiasan ukiran khat seperti baris, titik dan harakatnya.

4. Kikir

Kikir merupakan peralatan pelengkap ukiran bermata keluli yang bergerigi, halus pada permukaan dan sebelah tepinya. Peralatan ini digunakan untuk melicinkan, merata, mengikis dan bahkan menajamkan bahagian-bahagian kasar karya ukiran.

5. Tukul Kayu

Tukul kayu merupakan peralatan pelengkap juga yang perlu ada ketika mengukir. Tukul kayu ini digunakan untuk mengetuk pahat semasa kerja-kerja ukiran dijalankan. Tukul dibuat daripada kayu yang keras, kuat dan mempunyai daya ketahanan dan pantulan yang kuat. Biasanya tukul kayu yang dipilih adalah kayu dari pokok jambu, ciku atau kayu limau.

6. Gergaji

Gergaji juga merupakan peralatan yang perlu ada dalam membuat ukiran. Gergaji ini merupakan bilah besi yang mempunyai banyak mata tajam bergerigi, dan digunakan untuk memotong dan membentuk pola-pola dasar ukiran yang akan dibuat. Gergaji juga digunakan untuk menebuk bahagian-bahagian ukiran yang diperlukan.

7. Kertas Pasir

Kertas pasir juga merupakan peralatan yang diperlukan ketika penghalusan karya ukiran. Kertas pasir ini mempunyai kekesatan yang berbeza-beza seperti bahagian yang halus, sederhana atau bahagian yang kasar. Kertas pasir ini digunakan untuk melicinkan dan menghaluskan hasil ukiran yang masih agak kasar, dan biasanya penghalusan ini ketika peringkat akhir untuk hasil karya yang cantik dan menarik.

8. Varnis

Varnis adalah sejenis cat pengilat, varnis ini terdiri daripada berbagai warna sesuai dengan selera pengukir dan pelanggannya. Biasanya varnis ini berbentuk cecair yang memiliki warna agak gelap atau cerah dan sifatnya mengilap. Bau varnis ini biasanya sangat menusuk dan perlu pengeringan di bawah sinar matahari ketika digunakan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, perlu direnungi bahawa seni khat ukir merupakan kemahiran menulis yang unik dengan dipelbagaikan dalam segala hal, kerana adanya dukungan daripada al-Qur'an dan al-Hadith sebagai konsep tulisan yang ditulis. Selain itu, ia juga menjadi titik tolak yang boleh dipelbagaikan ke dalam segala tujuan sehingga boleh terus dikembangkan dengan tidak lagi membatasi pengaruh tamadun Melayu di Nusantara.

Selain itu, seni khat merupakan salah satu bidang seni Islam yang menjadi sumber kraftangan dan menjadi identiti jati diri mewakili watak dan budaya masyarakat Melayu. Hal ini tidak terlepas daripada makna, falsafah, jenis, motif, bentuk dan corak yang telah digambarkan melalui seni khat ukir yang tumbuh dan berkembang di Alam Melayu.

Pelbagai teknik dan peralatan digunakan untuk menghasilkan keindahan sesuatu ukiran khat dengan dilengkapi proses olahan, gaya dan teknik pengukiran yang sempurna. Selain itu, semoga melalui ukiran khat ini mampu menterjemahkan kehendak dan minat masyarakat Muslim di Nusantara, selain fungsi karya seni ini juga diharapkan dapat hadir di tengah-tengah umat Islam yang majmuk sebagai obor penerang dalam merealisasikan peradaban manusia yang bertamadun.

BIBLIOGRAFI

- Al-Qur'an dan Terjemahannya, 1974 dan 1986. Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.
- Abdul Gani Samsudin, dkk, 2001. *Seni dalam Islam*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Kabir al-Khatibi, Mohammed Sijelmassi, 1976. *The Splendour of Islamic Calligraphy*. London: Thames and Hudson Limited.
- Al-Baba, Kamil, 1992. Terj. Didin Sirojuddin, AR. *Dinamika Kaligrafi Islam*. Jakarta: Darul Ulum Press.
- Ali Akbar, 1995. *Kaedah Menulis Kaligrafer dan Karya-Karya Master*. Cet. III. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Didin Sirajuddin, AR, 1985. *Seni Kaligrafi Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Fauzi Salim Afifi, 2002. *Cara Mengajar Kaligrafi, Pedoman Guru*. Terjemahan. Jakarta: Darul Ulum Press.
- Ghazali Darussalam, 2001. *Sumbangan Sarjana dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Hasan Muarif Ambary, 2001. *Menemukan Peradaban Jejak Arkeologis dan Histories Islam Indonesia*. Jakarta: Logos
- Hashim Muhammad al-Baghdadi, 1381 H/1961. *Qawā'id al-khat al-'Arabī*. Baghdad: Wizārat al-Ma'ārif al-Iraqiyah.

- Ismā'īl Raji al-Farūqī dan Lois Lamya' al-Farūqī, 1986. *The Cultural Atlas of Islam*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Israr, C., 1985. *Dari Teks Klasik Sampai ke Kaligrafi Arab*. Jakarta: Yayasan Masagung.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1988. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Kamus Dewan Edisi Baru*, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manja Mohd. Ludin, A. Suhaimi Hj. Mohd. Nor, 1995. *Aspek-Aspek Kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ibin Khaldun, Abdurrahman, 1957. *Muqaddimat ibn Khaldūn*. Jld. 2 Kairo: Dār al-Nahdah.
- Muhammad Nur Lubis, 2002. *Sejarah Penulisan Mushaf Al-Sharīf*. Brunei Darussalam: Brunei Shell Marketing Company.
- Muhammad Quraish Shihab, 1996. *Membumikan al-Qur'an*. Jakarta: Lentera Hati.
- Nasr, Sayyed Hussein, 1987. *Spiritualitas dan Seni Islam*. Bandung: Mizan.
- Nurul Makin, 1995. *Kapita Selekta Kalligrafi Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Norhaiza Nordin, 2009. *Ukiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Seni Rupa Islam Malaysia Tradisional dan Sezaman*, 1991. Kuala Lumpur: Departemen Kesihatan.
- Shaharuddin, 2001. *Kaligrafi Al-Qur'an dan Metodologi Pengajarannya*. Jakarta: Sabit Kaligrafi Plus.
- Yasin Hamid Safadi, 1978. *Islamic Calligraphy*. London: Thames and Hu